

Kes tipu pakej haji

Polis terima

121 laporan

babit

kerugian

RM5.17 juta

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima 121 laporan berkaitan penipuan pakej haji furada, membabitkan kerugian RM5.17 juta.

Setiausaha Polis Malaysia, Datuk Noorsiah Mohd Saaduddin, berkata 48 laporan polis diterima Polis Kuala Lumpur setakat ini, membabitkan kerugian RM2.07 juta, diikuti 30 laporan polis di bawah Polis Selangor dengan kerugian RM956,300.

Beliau berkata, Polis Pahang (18 laporan, kerugian RM1.24 juta); Polis Kelantan (enam, RM280,000); Perak (enam, RM203,000) dan Johor (enam, RM125,000).

Selain itu, Polis Kedah menerima tiga laporan, membabitkan kerugian berjumlah RM48,000; Polis Negeri Sembilan (dua, RM170,500); Polis Terengganu (satu, RM38,000) dan Pulau Pinang (satu, RM32,000). Tiada laporan polis diterima oleh Polis Perlis, Sabah dan Sarawak.

“Semua laporan polis berkenaan dibuat terhadap tiga syarikat agensi pelancongan iaitu Al-Amin Umrahaj Management & Services Sdn Bhd, UC Travel Sdn Bhd dan Destinasi UC Resources.

“Jumlah laporan polis meningkat kepada 121 laporan minggu ini berbanding 72 laporan minggu lalu.

Buka 22 kertas siasatan

“Setakat ini, PDRM membuka 22 kertas siasatan membabitkan kes itu di seluruh negara,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, lima suspek yang ditahan berhubung kes itu diserahkan kepada Polis Johor untuk siasatan lanjut sebaik siasatan oleh Polis Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan selesai.

Lima suspek membabitkan tiga lelaki dan dua wanita berusia antara 30 tahun dan 60 tahun berkenaan kini direman tiga hari, bagi membantu siasatan Polis Johor yang membuka empat kertas siasatan berkaitan kes itu.

Sebelum ini, media melaporkan kira-kira 380 bakal jemaah haji dipercayai menggunakan visa furada, terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dipercayai menjadi mangsa penipuan sebuah agensi pelancongan.

Pada 9 Julai lalu, polis dilaporkan menahan lima individu termasuk pemilik sebuah agensi pelancongan dalam serbuan di ibu negara, yang dipercayai terbabat kes 380 individu ditawarkan pakej haji dan terkandas di KLIA.